



PEMENTASAN ... 'Mambo Horse' dan peserta lain dalam pementasan teater tahun lalu yang membawa kejayaan kepada mereka untuk mewakili Sabah.



ALBUM ... Kemenangan 'Mambo Horse' hasil kerja keras krew bergambar kenangan bersama selepas dinobatkan sebagai juara Festival Teater Negeri Sabah 2017.

# Nukilan seni penggiat teater, julang nama UMS dipersada seni



WATAK ... Mona, watak utama dalam 'Mambo Horse'.  
NST 12.3.2018  
OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE

Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan (FKSW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) merupakan sebuah fakulti gabungan bidang sains sosial dan seni. Antara kursus menarik yang ditawarkan adalah komunikasi, sejarah, geografi, antropologi dan sosiologi, hubungan industri, hubungan antarabangsa, seni muzik, seni kreatif dan seni visual.

Memegang peranan membawa nama fakulti dan universiti ke persada seni dan mengharumkan nama penggiat seni tempatan, STAGE Production adalah antara kumpulan krew produksi yang terlibat secara langsung dalam bidang penerbitan dan pementasan teater di FKSW, UMS.

STAGE Production dan aktiviti memegang matlamat untuk membuat persembahan dan penghasilan mutu teater yang terbaik, pengarah STAGE Production Shariffudin Zainal nyata sangat komited dengan pasukan krew produksi beliau.

"Persembahan yang terbaik adalah dilakukan untuk menghiburkan penonton, malah memberi kesan kepada penonton dari segi impak pementasan yang dipersembahkan.

"Kesan yang diberikan melalui pe-

mentasan sesebuah teater adalah antara kunci kepada menyelitkan mesej dan pengajaran berguna kepada penonton," katanya.

STAGE Production ditubuhkan dengan matlamat untuk memberi ruang khusus kepada pelajar-pelajar UMS khususnya pelajar jurusan seni kreatif di fakulti tersebut untuk mempelajari cara kerja secara professional melalui keterlibatan dalam produksi sama ada di fasa pra pementasan, pementasan dan pasca pementasan.

Karya STAGE Production, pernah mengharumkan nama fakulti dan universiti melalui kemenangan semasa Pertandingan Manifestasi Teater Negeri Sabah Oktober tahun lalu, 'Mambo Horse' adalah antara hasil karya yang membanggakan kumpulan produksi ini.

Merangkul tempat pertama dalam pertandingan tersebut memberi sejuta makna dan kenangan indah yang semakin menjadi pembakar semangat dan batu loncatan untuk STAGE Production terus mengorak langkah cemerlang dalam bidang pementasan teater.

"Pihak Jabatan Kesenian dan Kebudayaan Negara (JKKN) Sabah telah memilih teater 'Mambo Horse' untuk mewakili Sabah ke peringkat kebangsaan yang akan berlangsung pada penghujung tahun ini.

"Kemenangan tersebut juga merupakan hasil kerja keras dari semua pelajar dan krew dalam STAGE Production yang nyata tidak mengecewakan," kata Shaiffudin.

'Mambo Horse' karya yang diper-

taruhkan. 'Mambo Horse' adalah sebuah teater yang dipentaskan yang membawa penceritaan jalan kehidupan seorang pelacur yang hampir tua, bernama Mona.

Mona yang bekerja sebagai pelacur di bar Mambo Horse telah menarik perhatian dua lelaki dan mereka ingin memperisterikan Mona kerana rasa cinta yang berputik setelah melihat Mona.

Lelaki tersebut adalah lelaki yang pernah mendapat layanan istimewa daripada Mona dan seorang lelaki lagi adalah lelaki yang pernah diselamatkan Mona beberapa tahun lalu.

Konflik mula timbul apabila Alias yang mengaku dirinya sebagai Alias dan mengaku sebagai ayah Mona membongkar segala persoalan.

Rahsia yang disembunyikan Mona akan terbongkar dan apa sebenarnya yang berlaku kepada mereka?

Hanya dengan menyaksikan pementasan teater ini, anda akan memahami dan mempelajari sesuatu daripada jalan cerita teater ini.

Sememangnya karya seni ini yang melibatkan 11 pelakon yang merupakan pelajar seni kreatif pengkhususan teater di FKSW adalah antara bakat besar yang wajar dibanggakan.

Latihan berdepan saingan ke peringkat akhir

Naskah 'Mambo Horse' yang bakal dipentaskan semula pada Rabu, 21 Mac ini jam 7 malam adalah satu bentuk perjuangan pelajar seni kreatif dalam mengharumkan nama fakulti dan universiti.

Bertempat di Auditorium, Jabatan Kesenian dan Kebudayaan (JKKN) Sabah, aksi seni teater hebat dari bakat muda yang bakal menghiasi suasana dunia teater negara satu hari nanti pastinya dapat dilihat.

"STAGE Production dengan naskah 'Mambo Horse' bakal dinilai dalam penilaian separuh akhir yang melibatkan 14 buah negeri dan sebuah wilayah bagi mendapatkan tempat dan melayakkan diri ke peringkat akhir.

"Hanya enam kumpulan yang mewakili enam negeri yang terbaik seluruh Malaysia akan bersaing ke peringkat seterusnya iaitu peringkat akhir," kata Shaiffudin.

Harapan besar memberi sumbangan kepada bidang seni teater


Melakonan water dalam pementasan teater adalah satu perkara yang tidak mudah untuk dilakukan.

Pelbagai faktor harus diambil kirasnya dari segi keseimbangan emosi dan penghayatan watak serta lontaran vokal watak yang berada di pentas.


Sesi latihan giat dijalankan oleh krew produksi ini bagi memastikan setiap sudut dan corak lakonan dalam pementasan teater dan babak yang bakal dipersembahkan dalam pertandingan akan datang kelihatan sempurna.

Penghayatan watak dan lontaran vokal yang baik adalah kunci kepada kejayaan penyampaian sesebuah pementasan teater.

Diharapkan, STAGE Production dengan naskah 'Mambo Horse' terus cemerlang dalam usaha membawa nama FKSW dan UMS di bidang seni teater tanah air berjaya.



LATIHAN ... Persediaan rapi, latihan demi latihan setiap hari demi memastikan watak yang dibawa mampu ditonjolkan sebaik mungkin oleh pelakon.



ELEMEN penting dalam pementasan teater, lontaran vokal yang baik ditonjolkan oleh watak dalam teater 'Mambo Horse'.